



---

## **KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI**  
**Y.B. TIMBALAN MENTERI**  
**Y.BHG. KSU**  
**Y.BHG. TKSU (PDN)**  
**Y.BHG. TKSU (PPP)**  
**SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**2 MAC 2023 (KHAMIS)**



---

# **KERATAN AKHBAR (KPDN)**

---

**2 MAC 2023 (KHAMIS)**

# Ops TIRIS tangani isu seleweng diesel subsidi

## 5 kementerian, lapan agensi kerajaan banteras penyeleweng

Oleh Irwan Shafrizan Ismail  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Lima kementerian dan lapan agensi kerajaan digembleng dalam Ops TIRIS bagi membanteras penyelewengan diesel bersubsidi bermula semalam.

Operasi berkenaan akan bertebaran sehingga 31 Ogos ini bagi mengekang isu itu yang ditimbulkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika membentangkan Belanjawan 2023 membabitkan ketirisan subsidi bahan bakar itu sebanyak RM10 bilion pada 2022.

Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Azman Mohd Yusof, berkata selain kementeriannya, operasi bersepadu itu turut membabitkan Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Dalam Negeri (KDN), Kementerian Pertahanan (MINDEF) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS).

"Agensi lain ialah Jabatan Kas Tam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerak Am (PGA), Pasukan Polis Marin

(PPM), Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Selain itu, dua jawatankuasa ditubuhkan di dalam pelaksanaan Ops TIRIS iaitu Jawatankuasa Pemandu (JKP) yang membabitkan penetapan dasar yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPNDN.

"Jawatankuasa Teknikal (JKT) pula membabitkan urusan pelaksanaan operasi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Penguat Kuasa KPNDNKPNDN," katanya dalam kenyataan semalam.

### Isu dibangkit Anwar

Terdahulu beliau mempengerusikan mesyuarat pertama pasukan petugas pelbagai agensi itu bagi menangani ketirisan diesel subsidi, semalam.

Pasukan petugas pelbagai agensi itu ditubuhkan susulan isu yang dibangkitkan oleh Anwar.

Menteri Perdagangan, Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub, sebe-

Keratan akhbar BH Ahad lepas.

lum ini juga menegaskan kementerian akan mendapatkan kerjasama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan polis jika siasatan dalaman mendapati ada isu yang lebih serius dalam ketirisan itu.

Azman berkata, diesel bersubsidi dijual di stesen minyak pada harga kawalan iaitu RM 2.15 se-liter.

"Faktor harga yang murah ini dan bekalan yang mudah diperolehi antara faktor utama peningkatan permintaan daripada industri sama ada untuk kegunaan domestik mahupun untuk dieksport.

"Kedudukan geografi dengan

Faktor harga yang murah ini dan bekalan yang mudah diperolehi antara faktor utama peningkatan permintaan daripada industri sama ada untuk kegunaan domestik mahupun untuk dieksport

**Azman Mohd Yusof,**  
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN)



negara jiran juga turut mempengaruhi aktiviti penyelewengan diesel bersubsidi.

"KPNDN sentiasa memperkasakan penguatkuasaan yang tegas di semua peringkat, kawasan dan lokaliti termasuk kawasan kepelauan, sempadan, kawasan perindustrian atau eksport, bandar serta di luar bandar," katanya.

### Nilai rampasan

Tambah beliau, berdasarkan statistik penguatkuasaan KPNDN sejak 2019 sehingga Januari 2023, sebanyak 3,085 kes telah dihasilkan oleh Bahagian Penguat Kuasa bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang membabitkan barang-barang kawalan.

"Nilai rampasan bagi keseluruhan kes itu adalah sebanyak RM82.56 juta. Manakala bagi kes di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 yang diterima daripada sejumlah agensi luar pula adalah sebanyak 1,243 kes dengan nilai rampasan sebanyak RM101.91 juta.

"Sejumlah 1,411 kes membabitkan barang kawalan diesel dan petrol dengan nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM27.9 juta dalam tempoh yang sama," katanya.

Azman berkata, daripada jumlah keseluruhan kes yang dihasilkan itu, sebanyak 2,719 kes dikenakan kompaun dengan jumlah keseluruhan bernilai RM11.07 juta.

"Sekumpul 21 kes lagi dikenakan denda oleh mahkamah dengan nilai keseluruhannya sebanyak RM523,800 dan selebihnya masih dalam siasatan," katanya.

# Premis sedia Menu Rahmah dijangka bertambah ketika Ramadan

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menasarkan lebih banyak premis makanan dapat menawarkan Menu Rahmah pada Ramadan yang dijangka hujung bulan ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata berdasarkan sambutan pengusaha pihaknya menjangka jumlah premis yang menyediakan menu itu bertambah pada Ramadan.

Sehingga ini, katanya, 1,142 premis makanan di seluruh negara menawarkan Menu Rahmah.

**Itingan beban rakyat**  
Katanya, inisiatif Menu Rahmah itu turut mendapat sambutan beberapa syarikat atau restoran makanan segera yang turut mengambil bahagian bagi meringankan beban rakyat.

"Setakat hari ini, terdapat 1,142 premis di seluruh negara dan (jumlah) ini

tidak termasuk syarikat atau industri makanan segera yang akan menyertai program sama seperti Kentucky Friend Chicken (KFC) dan McDonald's (McD).

"Buat masa ini, restoran makanan segera yang sudah menyertai insiatif ini adalah Burger King, Marrybrown dan A&W Malaysia.

"Restoran makanan segera seperti McD, KFC dan The Manhattan Fish Market pula dijangka menawarkan Menu Rahmah bulan ini, manakala Do-

mino' Pizza juga menasarkan minat untuk menyertai program sama," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas Majlis Perasmian Program Menu Rahmah dan Penyerahan Bakul Rahmah di sebuah restoran di Wakaf Tok Pelam, di sini, semalam.

Pada program sama, Salahuddin turut menyerahkan sumbangan Bakul Rahmah kepada 20 penerima dengan setiap bakul bernilai RM150.



KPDN menasarkan lebih banyak premis makanan dapat menawarkan Menu Rahmah Ramadhan ini. (Foto hiasan)



SALAHUDDIN (tengah) menunjukkan perbezaan harga asal dan harga bagi Program Jualan Rahmah.

### BAZAR RAMADAN RAHMAH

## KPDN kenal pasti lokasi berpotensi

**Kuala Terengganu:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) sedang menganal pasti lokasi yang berpotensi untuk dijadikan Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pihaknya sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa kementerian dan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menjayakan bazar berkenaan.

Beliau berkata, setakat ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) antara yang terawal menawarkan tempat untuk pengajuran Bazar Ramadan Rahmah.

"Kita sedang melihat lokasi-lokasi yang dirasakan berpotensi untuk dijadikan Bazar Ramadan-Rahmah di seluruh negara.

"Malah, kita yakin nege-

ri-negeri juga akan mengambil kesempatan untuk mengadakan Bazar Ramadan Rahmah," katanya selepas perasmian Program Jualan Rahmah di sebuah pasar raya di sini, semalam.

Turut hadir, Pengarah Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Terengganu, Saharuddin Mohd Kia dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar, Ahmad Shah Muhammed.

Salahuddin berkata, pihaknya juga sedang mengadakan perbincangan mengenai kadar sewa yang mana keputusannya akan memberi manfaat kepada semua pihak.

"Sebab itu kita membabitkan banyak kementerian termasuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPPT) dalam usaha mengadakan Bazar Ramadan Rahmah ini," katanya.

# 'Cari jalan kurangkan harga juadah berbuka'

KPDN kenal pasti lokasi Bazar Ramadan Rahmah dan kurangkan kadar sewa tapak

KUALA TERENGGANU

**K**ementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) sedang mengenal pasti lokasi sesuai dan berpotensi untuk dijadikan Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara.

Menterinya, Datuk Seri Sa'aduddin Ayub berkata, buat masa sekarang, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) antara yang terawal menawarkan tapak penganjuran Bazar Ramadan Rahmah.

Menurutnya, KPDN juga sudah mengadakan perbincangan dengan beberapa pihak termasuk Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPPT) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan bagi menjayakan bazar tersebut.

"Kita sedang bincang bagaimana mahu jayakan bazar ini dan melihat lokasi yang berpotensi di seluruh negara," katanya selepas Majlis Perasmian Program Jualan Rahmah (PJR) Peringkat Negeri Terengganu di Sabasun HyperRuncit Bukit Kecil di sini pada Rabu.

Salahuddin berkata, antara isu



Salahuddin (tengah) menunjukkan perbezaan harga asal dan harga bagi PJR di Sabasun HyperRuncit di Bukit Kecil, Kuala Terengganu pada Rabu.

yang dibincangkan ialah pengurangan harga sewa tapak Bazar Ramadan Rahmah supaya peniaga dapat menjual makanan pada harga lebih rendah dan rakyat pula mampu membeli dengan harga murah.

Mengulas mengenai Program Jualan Rahmah, beliau berkata, kira-kira 15 pasar raya dan pasar raya besar di seluruh negara sudah menyertai kempen jualan itu yang memberi banyak manfaat kepada rakyat khususnya golongan B40.

Jelas Salahuddin, Program Jualan Rahmah menawarkan harga barang keperluan antara 10 hingga 30 pe-

ratus lebih murah berbanding harga pasaran.

"Antara pasar raya besar ini, ada yang mempunyai 300 hingga 2,000 cawangan di seluruh negara, taburan ini memudahkan rakyat berbelanja pada harga lebih rendah," katanya.

Sementara itu, kempen Jualan Rahmah di Sabasun HyperRuncit melibatkan lima cawangannya di Terengganu yang diadakan selama tiga bulan bermula 1 Mac hingga 31 Mei bagi 253 barang secara berperingkat mengikut bulan termasuk biskut raya dengan logo Jualan Rahmah.

# KPDN berharap KPKT tawar pengurangan sewa tapak **Harga murah Bazar Ramadan Rahmah**

Oleh MOHD. AZLI ADLAN

**KUALA TERENGGANU** — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) berharap Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menawarkan pengurangan kadar sewa tapak premis di Bazar Ramadan Rahmah di seluruh negara pada bulan puasa ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, pendekatan itu membolehkan peniaga menjual makanan dan minuman pada harga lebih murah.

Katanya, KPDN akan mengadakan perbincangan dengan KPKT dalam masa terdekat.

"Buat masa ini, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) antara pihak berkuasa tempatan (PBT) terawal menawarkan tapak Bazar Ramadan Rahmah.

"Cadangan kita agar harga sewa tapak premis (Bazar Ramadan Rahmah) dikurangkan agar peniaga dapat menurunkan harga jualan," katanya selepas merasmikan program Jualan Rahmah Peringkat Terengganu di pasar raya Sabasun HyperRuncit di sini semalam.

Kata Salahuddin, KPDN juga akan mengadakan pertemuan dengan tiga kementerian lain bagi menjayakan Bazar Ramadan

Rahmah.

Ujarnya, tiga kementerian itu adalah Kementerian Komunikasi dan Digital, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan.

"Kita akan mengadakan mesyuarat peringkat Ketua Setiausaha setiap kementerian itu bagi membincangkan hal ini," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, setakat ini sebanyak 11 syarikat pasar raya dan pasar raya besar menyertai kempen Jualan Rahmah yang menawarkan harga barang keperluan antara 10 hingga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran.



**SALAHUDDIN** (tengah) menunjukkan perbandingan harga yang dapat dijimatkan pengguna menerusi program Jualan Rahmah di Kuala Terengganu semalam.

## Bekalan makanan mangsa banjir dijamin cukup

**KUALA TERENGGANU:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) memberi jaminan bekalan makanan cukup untuk mangsa banjir di beberapa negeri, ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, KPDN sedang dalam proses menyalurkan bantuan kepada penduduk di ka-

wasan terjejas melalui Program Food Bank Malaysia (PFBM).

Menurut beliau, pihaknya akan memberi fokus menghantar makanan sedia untuk dimasak selain barang kering ke pusat pemindahan sementara (PPS) di kawasan terjejas.

"KPDN sentiasa berhubung dengan pihak berkuasa bagi menyalurkan bantuan segera

melalui 'bank makanan' di lokasi terkesan dan diselaraskan bilik operasi bencana banjir.

"Antara yang lokasi yang paling kritis adalah di Johor melibatkan daerah Segamat, Kuala Muda, Mersing, Kota Tinggi dan Rompin selain beberapa lokasi di Sabah dan Sarawak," katanya dalam sidang akbar pada Jelajah Menu Rahmah dan Penye-

rahan Bakul Rahmah di sebuah restoran di Wakaf Tok Pelam di sini, semalam.

Sehingga tengah hari semalam, dilaporkan lebih 5,300 mangsa terjejas akibat banjir dan ditempatkan di PPS melibatkan penduduk di tiga negeri iaitu Johor, Sabah dan Sarawak.

Negeri Johor paling teruk terjejas apabila mencatatkan lebih

4,400 mangsa terdiri daripada hampir 1,400 keluarga yang ditempatkan di 48 PPS.

Selain itu, Salahuddin memberitahu, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kerajaan negeri dan badan bukan kerajaan (NGO) juga bersedia setiap masa dalam membantu mereka yang terjejas termasuk bekalan makanan.

## KPDN edar food bank ke kawasan banjir

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan segera menghantar bantuan food bank kepada penduduk di negeri terjejas banjir terutama di Johor.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kementerian setakat ini memfokuskan pengedaran makánan sedia masak dan makánan kering ke pusat pemindahan sementara (PPS) di kawasan teruk terjejas seperti di Kluang serta Segamat.

"Saya telah mengarahkan supaya bantuan makánan melalui food bank ini dapat segera dihantar ke destinasi terjejas. Jadi, jangan risau kerana bekalan akan sentiasa mencukupi. Saya yakin bukan setakat KPDN, malah JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) dan pihak-pihak



SALAHUDDIN

lain seperti kerajaan negeri juga akan sediakan makánan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Menu Rahmah dan Penyerahan Sumbangan Bakul Rahmah di Restoran Infaq di Wakaf Tok Pelam di sini pada Rabu.

Salahuddin berkata, kementerian juga akan bekerjasama dengan pihak berkuasa dan agensi penyelamat di kawasan terjejas bagi memastikan bekalan makánan akan sampai kepada mangsa termasuk di lokasi yang sukar diakses.

Berdasarkan portal Info Bencana JKM, Johor merupakan negeri yang paling teruk terjejas akibat banjir dengan jumlah mangsa melebihi 7,000 orang daripada lebih 2,000 keluarga setakat ini. - Bernama

## Harga barang naik disebabkan harga makanan ternakan meningkat di pasaran global

**Kuala Lumpur:** Harga bahanangan seperti ayam, telur, daging dan khinzir didapati mengalami kenaikan berikutan harga input makanan ternakan yang meningkat di pasaran global.

Pasca pandemik Covid-19, barangan diimport dipengaruhi permintaan tinggi, perang Ukraine-Rusia dan pertukaran nilai mata wang.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Senator Fuziah Salleh berkata, kera-

jaan mengamalkan Ekonomi Pasaran Bebas bagi menjamin kestabilan barangan di pasaran di mana harga barang dipengaruhi penawaran dan permintaan.

"Ia juga saling bergantung *inter-dependency* kepada pasaran global terutama barang yang bahan mentahnya bersumberkan import.

"Terdapat 11 barang keperluan yang dikawal harga iaitu enam barang bersubsidi dan lima barang tidak

bersubsidi.

"Kawalan Harga dilaksanakan terhadap barang majoriti rakyat Malaysia seperti barang bersubsidi - petrol RON95, Diesel, LPG 14.4kg kegunaan isi rumah dan minyak masak bersubsidi paket satu kilogram," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat di

sini, semalam.

Fuziah menjawab soalan **Datuk Seri Madius Tangau (PH-Tuaran)** yang mahu kementerian itu menyatakan mengapa harga daging seperti ayam dan khinzir terus naik dan apakah langkah untuk menurunkan harga itu.

Katanya, barang yang diwartakan seperti ayam bu-

lat standard dan telur ayam gred A, B dan C.

"Kerajaan memperuntukkan subsidi kepada penternak untuk mengawal harga di peringkat penternak, pemborong dan peruncit dengan margin yang dipersetuju.

"Harga kawalan semasa Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) untuk enam perayaan utama Malaysia.

"Barang spesifik ditentukan mengikut keperluan

kenaikan harga memandangkan permintaan pada waktu itu dijangka meningkat bagi barang itu," katanya.

Fuziah berkata, kerajaan berharap pasaran akan membuat pelarasan harga berdasarkan permintaan pengguna dan bekalan di pasaran.

"Justeru bekalan barang di pasaran menjadi keutamaan bagi membolehkan rakyat Malaysia membeli barangan yang diperlukan," katanya.

**“  
Kawalan Harga  
dilaksanakan  
terhadap barang  
digunakan majoriti  
rakyat**

**Fuziah Salleh**

# Gagal seludup diesel ke Thailand

Kastam patah cubaan seludup 14,228 liter minyak diesel bersubsidi

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID  
**BUKIT KAYU HITAM**

**J**abatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan cubaan menyeludup 1,780 liter minyak diesel menggunakan kenderaan pacuan empat roda diubah suai di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam, di sini, pada 29 Januari lepas.

Timbalan Ketua Pengarah Kastam Malaysia (Penguatkuasaan & Pematuhan), Datuk Sazali Mohamad berkata, bertindak dalam Ops Khas, Kawangan Penguatkuasaan Bukit Kayu Hitam menahan enam kenderaan pacuan empat roda jenis Toyota Hilux tanpa muatan dipandu warganegara asing antara jam 7 petang hingga 8.30 malam.

Beliau berkata, pihaknya mendapati terdapat tangki khas (tambahan) yang dipercayai bermuatn minyak diesel semasa pemeriksaan dilakukan di pintu keluar kenderaan ringan/persendirian (eksport) kompleks itu.

"Ketika pemeriksaan rapi, pasukan menemui minyak diesel di dalam kesemua hasil tangki khas (tambahan) iaitu kenderaan pertama mengandungi 400 liter minyak diesel dan kenderaan kedua mengandungi 200 liter bahan api itu."

"Sebanyak 180 liter minyak diesel pula ditemui dalam kenderaan ketiga, diikuti kenderaan keempat sebanyak 130 liter, kenderaan kelima mengandungi 400 liter dan kenderaan keenam mengandungi 470 liter," katanya.

Beliau berkata sedemikian kepada pemberita pada sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan JKDM Bukit Kayu Hitam, di sini, pada Rabu.

Hadir sama, Pengarah JKDM Kedah, Nor Izah Abd Latiff.

Beliau memberitahu, jumlah rampas-

an minyak diesel ialah 1,780 liter dengan nilai rampasan ditaksirkan berjumlah RM3,827, manakala semua kenderaan yang disita melibatkan kenderaan yang berdaftar di negara jiran yang dianggarkan bernilai lebih kurang RM315,000.

Menurut Sazali, siasatan mendapati penyeludupan dipercaya dilakukan secara individu dan bukannya sindikan dengan minyak diesel terbit dari diperolehi daripada stesen minyak sekitar Bukit Kayu Hitam dan Changlun.

Tambah beliau, penyeludup disyaki menggunakan modus operandi dengan cuba menyeludup minyak diesel menggunakan tangki khas.

Sehubungan itu, kata Sazali, enam lelaki berusia lingkungan 40-an ditahan untuk siasatan sebelum mereka dibebaskan dengan jaminan kastam.

Katanya, kes ini disiasat mengikut Seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967 kerana cuba mengelak dengan penipuan dan apa-apa duti kastam atau cuba menyeludup keluar barang larangan eksport.

Sementara itu, Sazali memaklumkan, dalam kes berasingan, JKDM merampas 12,448 liter minyak diesel dalam Ops Khas lebih kurang jam 11.45 pagi dua hari sebelumnya di pintu keluar kargo (eksport) Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam.

Beliau berkata, Kawangan Penguatkuasaan Bukit Kayu Hitam menahan sebuah lori 'iso tank container' yang memperkenan nombor pendaftaran negara jiran dan pemeriksaan awal di lokasi kejadian mendapati muatan lori mengandungi minyak diesel.

Sehubungan itu, menurut beliau, dua lelaki ditahan untuk siasatan dan hasil siasatan mengesahkan muatan dalam lori mengandungi minyak diesel dianggarkan RM26,764 dan nilai bagi kenderaan lebih kurang RM90,000.

"Melalui siasatan, modus operandi digunakan adalah cuba mengaburi kastam dan bagi mendapatkan pelepasan terus dengan mengikrarkan muatan sebagai 'butane mix', " katanya.

Kata beliau, dua lelaki yang ditahan itu dilepaskan dengan jaminan kastam dan kes disiasat mengikut Seksyen 135(1)



Sazali (kanan) melihat kenderaan pacuan empat roda yang diubah suai dengan tangki khas tambahan bermuatan diesel selepas sidang akhbar di Stor Penguatkuasaan JKDM Bukit Kayu Hitam pada Rabu.

(e) Akta Kastam 1967 kerana mengangkat barang tidak berkastam/larangan.

Sazali berkata, pihaknya akan sentiasa memantau ketat pintu keluar negara terhadap mana-mana pihak yang cuba menyeludup keluar barang bersubsidi adalah pengkhianat kepada negara," katanya.

ke luar negara demi kepentingan dan ke sejahteraan rakyat negara ini.

"Mana-mana pihak yang terlibat atau bersekongkol dengan kegiatan menyeludup keluar barang bersubsidi adalah pengkhianat kepada negara," katanya.



Saluran paip untuk mengeluarkan minyak diesel daripada lori tangki yang diubah suai.



---

## **MEDIA ONLINE (KPDN)**

---

**2 MAC 2023 (KHAMIS)**

| BERITA ONLINE BERTARIKH 2 MAC 2023 |  |   |               |
|------------------------------------|--|---|---------------|
| TARIKH                             | TAJUK  | PAUTAN  | MEDIA         |
| 2-Mar                              | Bantuan makanan ke negeri terjejas banjir                              | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941018/bantuan-makanan-ke-negeri-terjejas-banjir">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941018/bantuan-makanan-ke-negeri-terjejas-banjir</a>   | HM            |
| 2-Mar                              | Bantuan Food Bank Malaysia disalur segera ke negeri terjejas banjir    | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1070768/bantuan-food-bank-malaysia-disalur-segera-ke-negeri-terjejas-banjir">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1070768/bantuan-food-bank-malaysia-disalur-segera-ke-negeri-terjejas-banjir</a> | BH            |
| 2-Mar                              | Lokasi penganjuran Bazar Ramadhan Rahmah dicari                        | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/940985/lokasi-penganjuran-bazar-ramadan-rahmah-dicari">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/940985/lokasi-penganjuran-bazar-ramadan-rahmah-dicari</a>   | HM            |
| 2-Mar                              | Tawaran Menu Rahmah dijangka meningkat pada Ramadan                    | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1070760/tawaran-menu-rahmah-dijangka-meningkat-pada-ramadan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/03/1070760/tawaran-menu-rahmah-dijangka-meningkat-pada-ramadan</a>                                 | BH            |
| 2-Mar                              | Sewa tapak premis Bazar Ramadhan Rahmah murah                          | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/sewa-tapak-premis-bazar-ramadan-rahmah-murah/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/sewa-tapak-premis-bazar-ramadan-rahmah-murah/</a>   | UM            |
| 2-Mar                              | Sekretariat khas bincang isu kenaikan harga barang diwujudkan - Fuziah | <a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58338-sekretariat-khas-bincang-isu-kenaikan-harga-barang-diwujudkan-fuziah">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/58338-sekretariat-khas-bincang-isu-kenaikan-harga-barang-diwujudkan-fuziah</a>   | BERITARTM     |
| 2-Mar                              | 10 jenis barang dikawal harga, diberi subsidi - Fuziah                 | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/10-jenis-barang-dikawal-harga-subsidi-fuziah">https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/10-jenis-barang-dikawal-harga-subsidi-fuziah</a>   | SUARAKEADILAN |
| 2-Mar                              | KPDN to form panel to help resolve recording industry issues           | <a href="https://www.thevibes.com/articles/culture/86446/kpdn-to-form-panel-to-help-resolve-recording-industry-issues">https://www.thevibes.com/articles/culture/86446/kpdn-to-form-panel-to-help-resolve-recording-industry-issues</a>   | THEVIBES      |

|       |  |   |              |
|-------|--|---|--------------|
| 2-Mar | RM93,000 diesel rip-off bid  | <a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/208456/rm93-000-diesel-rip-off-bid/">https://www.dailyexpress.com.my/news/208456/rm93-000-diesel-rip-off-bid/</a>   | DAILYEXPRESS |
| 2-Mar | KPDN beri tempoh 6 bulan lihat hasil Ops Tiris                                     | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941117/kpdn-beri-tempoh-6-bulan-lihat-hasil-ops-tiris-metrotv">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/941117/kpdn-beri-tempoh-6-bulan-lihat-hasil-ops-tiris-metrotv</a>     | HM           |
| 2-Mar | KPDN laksana Ops Tiris banteras ketirisan diesel subsidi                           | <a href="https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/kpdn-laksana-ops-tiris-banteras-ketirisan-diesel-subsidi/">https://www.kosmo.com.my/2023/03/01/kpdn-laksana-ops-tiris-banteras-ketirisan-diesel-subsidi/</a>   | KOSMO        |
| 2-Mar | KPDN laksana Op Tiris banteras ketirisan diesel subsidi                            | <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kpdn-laksana-op-tiris-banteras-ketirisan-diesel-subsidi/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kpdn-laksana-op-tiris-banteras-ketirisan-diesel-subsidi/</a>   | UM           |
| 2-Mar | KPDN laksana Ops Tiris tangani ketirisan subsidi diesel                            | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/247634">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/247634</a>   | SH           |
| 2-Mar | KPDN laksana Ops Tiris tangani ketirisan subsidi diesel                            | <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2169006">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2169006</a>   | BERNAMA      |
| 2-Mar | KPDN wujudkan pasukan petugas kenal pasti punca ketirisan minyak diesel bersubsidi | <a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/58384-kpdn-wujudkan-pasukan-petugas-kenal-pasti-punca-ketirisan-minyak-diesel-bersubsidi">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/58384-kpdn-wujudkan-pasukan-petugas-kenal-pasti-punca-ketirisan-minyak-diesel-bersubsidi</a> | BERITARTM    |
| 2-Mar | KPDN implements Ops Tiris to tackle diesel subsidy leakages                        | <a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/191199">https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/191199</a>   | SHDAILY      |